

Apakah itu penyakit kusta ?

Penyakit kusta juga dikenali sebagai penyakit Hansen. Ia adalah penyakit berjangkit yang kronik, disebabkan oleh sejenis kuman yang bernama *Mycobacterium leprae*. Bakteria ini boleh menjangkiti kulit dan saraf-saraf periferal serta tisu-tisu lain seperti mata, saluran pernafasan, selaput dalaman hidung dan testis.

Adakah kusta masih wujud ? Masih terdapat kes-kes kusta di Malaysia ?

Setiap dua minit seorang akan didiagnosa dengan penyakit kusta. Ia menyebabkan kerosakan saraf dan kelemahan otot yang boleh membawa kepada kecacatan, kelumpuhan, buta dan pengasingan. Ramai orang menganggap penyakit kusta sudah lupus, tetapi ia masih wujud di lebih daripada 100 negara di seluruh dunia termasuk negara kita. Sebanyak 300-350 kes baru didiagnosa setiap tahun di Malaysia. Contohnya, pada tahun 2012 terdapat 336 kes baru dan pada tahun 2013 pula terdapat 306 kes baru penyakit kusta.

Apa yang menyebabkan penyakit kusta ? Bagaimana ia merebak ? Adakah ia penyakit yang diwarisi ?

Mycobacterium leprae merupakan bakteria yang menyebabkan penyakit kusta. Ia adalah satu penyakit berjangkit dan bukan penyakit yang diwarisi. Bakteria ini membiak dengan perlahan dan tanda-tanda atau gejala penyakit mungkin mengambil masa lebih daripada 2-5 tahun untuk muncul.

Penyakit kusta adalah penyakit bawaan udara "airborne", ia merebak melalui titisan di udara. Apabila pesakit penyakit kusta bersin atau batuk, titisan yang mengandungi bakteria akan dilepaskan ke dalam udara. Penyakit ini boleh merebak apabila seseorang menghirupi titisan udara tersebut. Walau bagaimanapun ia tidak mudah untuk mendapat penyakit kusta. Lebih daripada 95 % orang secara semula jadi imun (kebal) kepada bakteria kusta, terutamanya mereka yang tinggal di kawasan endemik penyakit ini. Penyakit kusta tidak merebak melalui sentuhan pada luka-luka yang terdapat pada anggota atau badan pesakit kusta.

Apakah tanda-tanda dan gejala penyakit kusta ?

Penyakit kusta boleh mengancam kulit dan saraf-saraf periferal. Ia menimbulkan ruam / lesi kulit yang tidak gatal dengan atau tanpa kehilangan rasa / sensasi. Ia juga boleh merosakkan saraf dan seterusnya menyebabkan kelemahan otot dan kehilangan rasa / sensasi pada tangan dan kaki. Kehilangan rasa / sensasi akan menyebabkan kehilangan refleks automatik yang membantu kita untuk menjauhkan diri dari objek panas atau tajam. Ini telah menyebabkan luka-luka di kulit seperti luka bakar, yang kemudiannya boleh dijangkiti kuman. Pesakit kusta mungkin juga kehilangan jari tangan dan kaki mereka akibat jangkitan itu. Jika lambat atau tidak dirawat, kelumpuhan saraf muka juga boleh membawa kepada kehilangan refleks berkelip, kekeringan dan ulser pada mata dan akhirnya boleh menyebabkan kebutaan.

Terdapat 5 jenis presentasi klinikal penyakit kusta, iaitu "tuberkuloid", "borderline tuberkuloid", "borderline borderline", "borderline lepromatus" dan "lepromatus". Jenis presentasi adalah bergantung kepada daya imuniti pesakit tersebut; Untuk tujuan rawatan penyakit ini boleh dibahagikan kepada paucibacillary (tiada bakteria

dikesan) atau multi-bacillary (bakteria dikesan) bergantung kepada keputusan calitan toreh kulit yang dilakukan pada cuping-cuping telinga dan lesi-lesi kulit pesakit.

Bolehkah kusta disembuhkan ? Jika tidak dirawat, apa yang akan berlaku kepada pesakit kusta ?

Beribu-ribu individu di sekitar dunia telah dijangkiti penyakit kusta, kebanyakan kes kusta dikesan di negara-negara membangun. Bilangan pesakit kusta telah menurun secara mendadak berikutan pengenalan “multidrug therapy (MDT)” yang berkesan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1985.

Pada zaman dulu, para pesakit kusta telah diasingkan dalam koloni kusta, seperti Pusat Kawalan Kusta Negara, Sungai Buloh dan Pusat Rawatan Kusta, Pulau Jerejak, Pulau Pinang. Tanda-tanda lesi kulit serta kecacatan akibat dari penyakit ini telah membawa stigma yang teruk pada pesakit. Hari ini, kusta boleh dirawat dengan berkesan dan pengasingan pesakit adalah **TIDAK DIPERLUKAN** lagi. Pesakit kini boleh tinggal dengan ahli keluarga dan masyarakat ketika mereka menerima rawatan.

Bagaimanakah penyakit kusta dirawat?

Ia boleh dirawat dengan kombinasi antibiotic sistemik (dirujuk sebagai “multidrug therapy” atau MDT) seperti rifampin, dapsone dan clofazimine selama 6 hingga 12 bulan. Ubat-ubatan seperti ofloxacin atau minocycline akan digunakan sekiranya berlaku kontraindikasi atau kekebalan ubat “drug resistance”.

Kadang-kadang pesakit mungkin akan mengalami reaksi Lepra yang disebabkan oleh reaksi imunologi terhadap *Mycobacterium leprae*. Tanda-tanda reaksi Lepra adalah seperti demam, bengkak pada lesi-lesi yang sedia ada, nodul-nodul baru yang radang dan sakit, bengkak tangan dan kaki, sakit saraf dan kelemahan otot. Reaksi ini boleh dikawal dengan penggunaan prednisone dan “immunosuppressants”.

Kesimpulan

Penyakit kusta boleh disembuh dengan rawatan MDT. Sebaik sahaja pesakit menerima rawatan, individu tersebut tidak akan menjangkiti orang lain. Para pesakit kusta tidak perlu diasingkan daripada keluarga atau komuniti. Mereka perlu mematuhi nasihat doktor dan menerima rawatan mengikut jadual yang ditetapkan. Jika terdapat apa-apa keraguan, sila menghubungi pakar dermatologi di klinik yang terdekat (<http://www.dermatology.org.my/dermatologist.htm>).

* Rujukan: Laman web WHO



Rajah: a) Kusta tuberkuloid; b) Kusta lepromatus dengan cuping telinga menebal; c) Palsy saraf ulnar membawa kepada “claw” tangan; d) Kecacatan kaki yang disebabkan oleh penyakit kusta



Disediakan oleh,

Dr Chan Lee Chin
Pakar Perunding Dermatologi & Ketua
Jabatan Dermatologi , Hospital Pulau Pinang
Ahli Exco Persatuan Dermatologi Malaysia

Maklumat kesihatan di atas diterbitkan ihsan Persatuan Dermatologi Malaysia
(<http://www.dermatology.org.my/>)